

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS WELCOMES CROSS-PARTISAN EFFORT INITIATED BY THE PRIME MINISTER AND URGES CONCRETE ACTION TO IMPLEMENT CHANGES

Kuala Lumpur, 26th August 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes the Prime Minister's efforts in meeting together with opposition leaders to discuss the way forward in combating Covid-19, institutional reforms and good governance. Such cross-partisan effort is needed when Malaysia is still facing the COVID-19 health crisis and our most severe economic downturn since the 1997 Asian Financial Crisis.

IDEAS is encouraged by the fact that the Prime Minister and opposition leaders made clear their commitment towards institutional reforms, particularly with regards to parliament and its role as a check and balance to the power of the executive. This is unprecedented and IDEAS hopes that efforts towards COVID-19 management will be ably demonstrated in the immediate future.

As stated by IDEAS CEO, Tricia Yeoh, "These commitments are welcomed, but they must be followed through with concrete action. Parliament must be reopened, firstly for a confidence vote to be tabled and for important policies such as the National Recovery Plan, 12th Malaysia Plan and Budget 2022 to be debated."

IDEAS believes that this agreement between the Prime Minister and opposition leaders will open more doors for further institutional reforms that Malaysia urgently needs, including:

1. Implementing the National Anti-Corruption Plan (NACP) to combat corruption
2. Tabling the Political Financing Bill in Parliament;
3. Separating the roles of the Attorney General (AG) and the Public Prosecutor;
4. Increasing the independence of the MACC by elevating it to a constitutional body;
5. The appointment processes of key public officers and heads of GLCs to be done transparently and independently; and
6. An independent Judiciary that is empowered to adjudicate on all cases of political corruption.

As Tricia stressed, "Malaysia is in dire need of clear, strong leadership after 17 months of almost perpetual politicking and dysfunctional governance. In order to restore the country's economic and social stability, our leaders must step up to make decisions that can steer the country forward in the right direction."

"In the International Monetary Fund's most recently published World Economic Outlook released in July 2021, growth projections for Malaysia were downgraded by 1.8%, with the economy now expected to expand by only 4.7% this year. Our deteriorating fiscal outlook and political uncertainty has made investors jittery, which will make it harder for Malaysia to plug its budget shortfall anytime soon. Now more than ever we need our leaders to put aside their differences and provide strong and stable leadership."

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D
External Relations Director
zokhri@ideas.org.my

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS MENGALU-ALUKAN USAHA RENTAS PARTI OLEH PERDANA MENTERI DAN GESA TINDAKAN KONKRIT UNTUK LAKSANA PERUBAHAN

Kuala Lumpur, 26 Ogos 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan usaha YAB Perdana Menteri bertemu dengan para pemimpin pembangkang untuk membincangkan langkah seterusnya dalam membendung COVID-19, pembaharuan institusi dan tadbir urus yang baik. Usaha rentas parti seperti ini diperlukan ketika Malaysia masih menghadapi krisis kesihatan COVID-19 dan kegawatan terburuk sejak Krisis Kewangan Asia 1997.

IDEAS menyambut baik pertemuan tersebut dimana, YAB Perdana Menteri dan pemimpin pembangkang telah memperjelas komitmen mereka ke arah pembaharuan institusi, terutamanya berkenaan institusi Parlimen dan fungsinya sebagai satu semak dan imbang kepada kuasa eksekutif. Hal ini tidak pernah berlaku dan IDEAS berharap usaha ke arah pengurusan COVID-19 akan dapat ditunjukkan dengan berkesan dalam masa terdekat.

Seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, "Komitmen seperti ini dialu-alukan, tetapi haruslah disusuli dengan tindakan yang konkret. Parlimen perlu dibuka semula agar usul undi percaya dapat dibentangkan dan pelbagai dasar penting seperti Pelan Pemulihan Negara, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Belanjawan 2022 dapat dibahaskan."

IDEAS percaya bahawa persetujuan antara Perdana Menteri dan para pemimpin pembangkang ini akan membuka lebih banyak peluang kepada pembaharuan institusi lebih lanjut yang Malaysia amat perlukan, termasuk:

1. Pelaksanaan Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) untuk membanteras rasuah;
2. Pembentangan Rang Undang-undang Pendanaan Politik di Parlimen;
3. Pemisahan fungsi Peguam Negara (AG) dan Pendakwa Raya;
4. Meningkatkan kebebasan SPRM dengan cara menaik taraf menjadi satu badan berperlembagaan;
5. Proses pelantikan penjawat awam utama dan penggerusi GLC dilakukan dengan telus dan bebas; dan
6. Satu badan Kehakiman bebas yang diberi kuasa untuk mengadili semua kes rasuah politik.

Seperti yang ditekankan oleh Tricia, "Malaysia amat memerlukan kepimpinan yang jelas dan kukuh setelah hampir 17 bulan di bawah pentadbiran yang tidak berfungsi serta berterusan berpolitik. Para pemimpin harus mengorak langkah dalam mengambil keputusan untuk mengemudi negara ini ke hadapan dalam arah yang betul agar dapat mengembalikan kestabilan sosial dan ekonomi negara."

“Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam tinjauan *World Economic Outlook* yang baru diterbitkan pada bulan Julai 2021, telah menurunkan taraf unjuran pertumbuhan Malaysia sebanyak 1.8% ketika ekonomi pada tahun ini dijangka berkembang sebanyak 4.7% sahaja. Tinjauan fiskal yang merosot serta ketidaktentuan politik negara membuatkan para pelabur gelisah, malah akan memberi kesukaran kepada Malaysia untuk menutup kekurangan belanjawannya dalam masa terdekat. Kini, Malaysia amat memerlukan para pemimpinnya untuk mengenepikan segala perbezaan dan menawarkan kepimpinan yang kukuh dan stabil.”

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D
Pengarah, Perhubungan Luar
zokhri@ideas.org.my